

HAMDAN AZIZ

Peranan USIA dalam Pendidikan, Dakwah, dan Politik di Sabah, Malaysia, 1969 – 1976

IKHTISAR: Penubuhan USIA (*United Sabah Islamic Association* atau *Pertubuhan Islam Seluruh Sabah*) pada tahun 1969 telah memberikan impak yang besar terhadap umat Islam Sabah, terutama dalam bidang pendidikan serta dakwah. Situasi ini sangat bertepatan kerana kekuasaan Sabah di bawah kepimpinan Tun Mustapha bin Datu Harun selaku Ketua Menteri Sabah. Gerak kerja USIA boleh dirumuskan kepada konsep 3P, iaitu Pendidikan, Pengislaman, dan Pembangunan. Kemuncak kepada kejayaan USIA apabila Donald Stephens (Tun Fuad Stephens) dan keluarganya memeluk Islam pada tahun 1971. Gerakan peng-Islaman yang dilakukan USIA berjaya meningkatkan populasi penduduk Islam di Sabah sehingga 60 peratus pada pertengahan 1970-an. Tindakan USIA ini tentunya mendapat bantahan keras daripada kumpulan bukan Islam. Usaha bukan Islam, bersama mereka yang kecewa dalam USNO (*United Sabah National Organization*), akhirnya berjaya mengubah landskap politik Sabah pada tahun 1976. Dalam Pilihan Raya DUN (*Dewan Undangan Negeri*) Sabah pada tahun 1976, USNO tersungkur dengan tewas mengejut kepada BERJAYA (*Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah*) di persada politik Sabah, sekali gus menghentikan cengkaman USNO terhadap USIA.

KATA KUNCI: Pendidikan, pertubuhan USIA, parti USNO, peng-Islaman, pembangunan, parti BERJAYA, dan masyarakat Sabah.

ABSTRACT: This paper entitled “The Role of USIA in Education, Preaching, and Politics in Sabah, Malaysia, 1969 – 1976”. The USIA (*United Sabah Islamic Association*), established in 1969, has made a tremendous impact on Muslims in Sabah, especially in education and propagation. This situation is suitable because the power under the leadership of Sabah, Tun Mustapha bin Datu Harun as the Chief Minister of Sabah. USIA can be formulated within the framework of the concept of 3P, namely: Education (*Pendidikan*), Islamization (*Peng-Islaman*), and Development (*Pembangunan*). The highlight of the success of the USIA when Donald Stephens (Tun Fuad Stephens) and his family converted to Islam in 1971. Islamization movement done successfully by USIA has increased the Sabah Islamic population up to 60 per cent in the mid-1970s. This course of USIA action has been protested by non-Muslim groups. Non-Muslims efforts among those, who disappointed in the USNO (*United Sabah National Organization*), finally succeeded in changing the political landscape of Sabah in 1976. In the State Assembly Elections (*Legislative Assembly*) Sabah in 1976, USNO defeated surprisingly to BERJAYA (*United Sabah People's Party*) in Sabah political arena; thus, it was stopping the USNO grip on USIA.

KEY WORD: Education, USIA organization, USNO party, Islamization, development, BERJAYA party, and communities in Sabah.

PENDAHULUAN

Kejayaan Alexander Darymple, seorang pegawai Syarikat Hindia Timur di Madras, memujuk Sultan Sulu

supaya membenarkan penubuhan sebuah pusat perdagangan di Pulau Balambangan, Kudat, pada tahun 1761 merupakan detik awal

berlakunya kolonialisasi Barat di Sabah. Kedatangan penjajah menguji keupayaan sebenar komuniti tempatan, terutama dalam mengaplikasikan wahana pendidikan Islam. Kedatangan kuasa Barat bukan sahaja bermotifkan ekonomi tetapi, sebaliknya, membawa bersama nilai-nilai sekular yang sangat bertentangan dengan nilai tradisi serta agama dalam kalangan penduduk tempatan (Tregonning, 2007:15).

Dalam tempoh 40 tahun kolonial Barat memerintah Sabah (1921), seramai 2.7 peratus penduduk Sabah telah memeluk agama Kristian. Melalui banci penduduk pada tahun 1931, penganut Kristian bertambah kepada 3.9 peratus, manakala tahun 1951 bertambah kepada 8.7 peratus. Melalui perangkaan banci penduduk tahun 1960, penganut Kristian Sabah meningkatkan kepada 75,247 orang (JBP, 1971:20).

Kejayaan mubaligh Kristian dalam dakwah dan pendidikan kerana mempunyai dana yang mencukupi, termasuk daripada Syarikat Berpiagam serta *British Crown Colony*. Hal ini menyebabkan agama Kristian tersebar luas di merata tempat di Sabah, terutama bahagian pedalaman. Pada tahun 1949, pihak gereja Roman Katolik, *Basel-Borneo, Anglican*, dan *Seven Day Adventist* berjaya mendirikan sekolah sebanyak 57 buah, manakala meningkat kepada 67 buah pada tahun 1954 (Baker, 1965:18; dan Mat Kib, 2003:112).

Keadaan ini sangat berbeza dengan komuniti Islam, apabila mereka masih terikat dengan sistem pendidikan tradisional. Penduduk Islam Sabah tersepit antara pemodenan serta dasar penjajah yang banyak merugikan mereka. Sementara itu, masjid berperanan dalam masyarakat sebagai pusat pendidikan yang kebanyakan dibina daripada kayu berlantai serta beratap rumbia. Walau bagaimanapun, usaha mendirikan masjid serta madrasah tetap diteruskan. Sebuah

masjid daerah pertama didirikan di Papar pada tahun 1890 (Anonim, 1980:7).

Dasar kolonial yang berat sebelah terhadap penduduk Islam berlarutan sehingga Sabah memasuki Malaysia dan mencapai kemerdekaan pada tahun 1963. Sewaktu pemimpin Sabah mengemukakan 20 perkara sebagai jaminan memasuki Malaysia, Islam masih belum lagi berjaya untuk dijadikan sebagai agama rasmi negeri. Keadaan ini memberikan kesempatan kepada mubaligh Kristian untuk menyebar kegiatan keagamaan, manakala peraturan ini menjadikan dakwah Islam semakin tidak kondusif dalam kalangan penduduk Sabah (temubual dengan Datuk Awang Sahari Abd Latif, 12/6/2003).

Sebagai jalan keluar terhadap permasalahan ini, penduduk Islam Sabah berusaha menubuhkan pertubuhan yang mempunyai organisasi yang mantap dan boleh menyebar-luaskan agama Islam demi kepentingan umat Islam. Hasrat ini dapat direalisasikan apabila parti USNO (*United Sabah National Organization*) menguasai tampuk pemerintahan negeri setelah memenangi Pilihan Raya DUN (Dewan Undangan Negeri) Sabah pada tahun 1967 dan menewaskan pencabar terdekatnya, UPKO (*United Pasokmomogun Kadazandusun-Murut Organization*).

Setelah itu, Tun Mustapha bin Datu Harun dilantik sebagai Ketua Menteri (SPR, 1967; Setiausaha Agung USNO, 1972; dan Hussein, 1976). Tun Mustapha bin Datu Harun percaya, sekiranya penduduk Sabah berbeza dari sudut bahasa, budaya, dan adat resam, maka selama itulah usaha untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan penduduk menjadi sukar (Setiausaha Agung USNO, t.t.).

Di Semenanjung Malaysia pada tahun 1969, kerajaan persekutuan menubuhkan Pusat Penyelidikan Islam Malaysia (*Islamic Research Centre*) yang

bertujuan memberikan penekanan kepada pemantapan akidah dalam kalangan penduduk Islam, penyelidikan terhadap syariah, pembangunan ekonomi Islam, penerbitan, pelajaran, sosial, dan perpustakaan Islam. Di atas komitmen kerajaan persekutuan ini, kerajaan USNO mengambil inisiatif bertindak menubuhkan sebuah badan dakwah yang hampir sama fungsinya di Sabah (Anonim, 1976; temubual dengan Datuk Dzulkiflee Abdul Hamid, 30/6/2004; dan Mat Kib, 2012).

PERTUBUHAN ISLAM SELURUH SABAH (USIA)

Usaha mewujudkan pertubuhan Islam di Sabah wujud semenjak 1946 apabila penduduk Jesselton (Kota Kinabalu) menubuhkan *Khairat Jamaah Muslim* yang berfungsi menjaga hal-ehwal Islam, khususnya dalam pembangunan sosial (Yusin, 1990). Setelah itu, penduduk Islam Sabah berusaha menggabungkan beberapa buah persatuan yang sah serta diiktiraf dari sudut perlembagaan. Antaranya Persatuan Islam Sembulan (PIS), Persatuan Islam Putatan (PIP), Persatuan Islam Tawau (PIT), Persatuan Islam Papar (PIP), Persatuan Islam Labuan (PIL), Persatuan Islam Sandakan (PIS), dan Persatuan Islam Ranau (PIR).

Dalam mesyuarat agung PIP yang berlangsung pada 10 Mac 1968, satu resolusi diambil, iaitu supaya satu pertubuhan yang lebih besar diadakan. Penasihat politik kepada Tun Mustapha bin Datu Harun, iaitu Syed Kechik Syed Muhammad serta Habib Abdul Rahman Habib Mahmud (Menteri Kewangan Sabah) yang hadir dalam majlis ini, menyampaikan hasrat kepada Tun Mustapha bin Datu Harun selaku Pengerusi PIS dan juga Ketua Menteri Sabah.

Cita-cita untuk mewujudkan sebuah pertubuhan bagi umat Islam Sabah dapat direalisasikan apabila berlangsungnya Kongres Umat Islam

Sabah bertempat di Dewan Masyarakat, Kota Kinabalu, pada 14-16 Ogos 1969. Kongres ini dihadiri seramai 179 orang peserta serta 81 orang pemerhati daripada 23 daerah. Tun Mustapha bin Datu Harun dalam ucapan perasmian pembukaan menyifatkan kongres ini kena pada tepatnya (Urusetia Kongres USIA, 1970; dan Anonim, 1974).

Sewaktu bersidang, sebuah usul diperlukan bagi mewujudkan USIA (*United Sabah Islamic Association*). Justeru itu, Habib Abdul Rahman Habib Mahmud, iaitu perwakilan daripada Sipitang mengemukakan usul yang berkaitan dengan penubuhan USIA dan bertujuan menjaga kepentingan umat Islam di Sabah, terutama dalam pelajaran, kebajikan dan iktisad, serta perkara-perkara yang berkaitan dengan agama (Pejabat Agung USIA, 1970). Usul tersebut, antara lain, berbunyi seperti berikut:

[...] bahawa kongres bersetuju untuk ditubuhkan USIA bagi menjaga kepentingan umat Islam, khususnya dalam bidang pelajaran, kebajikan dan iktisad, dan lain-lain hal yang berkaitan dengan soal-soal perkembangan Islam (Urusetia Kongres USIA, 1969).

Beberapa orang perwakilan membahaskan usul yang dibawa Habib Abdul Rahman Habib Mahmud. Semion Abdul Rahim, salah seorang peserta dari Sipitang, membahaskan usul bagi tujuan mendapat persetujuan perwakilan. Awang Damit Mohamed, juga peserta dari Sipitang, menyokong usul yang dikemukakan oleh Semion Abdul Rahim.

Para perwakilan itu turut membahaskan nama USIA untuk mendapat persetujuan sebulat suara. Terdapat kumpulan yang tidak bersetuju dengan nama "USIA" kerana dalam Bahasa Inggeris dan tetap mahukan dalam Bahasa Melayu. Kumpulan pertama mencadangkan nama USIA (*United Sabah Islamic Association*) ditukar kepada PISAH

Jadual 1:
Struktur Ahli Jawatankuasa Agung USIA

Yang di-Pertua
2 Timbalan Yang di-Pertua
5 Naib Yang di-Pertua
Setiausaha Agung
Penolong Setiausaha Agung
Bendahari Kehormat
Ketua Penerangan Kehormat
Penolong Ketua Penerangan
18 Ahli Jawatankuasa (dipilih oleh perwakilan)
20 Ahli Jawatankuasa (dilantik oleh Yang di-Pertua)

Sumber: Anonim (1974:5).

(Pertubuhan Islam Seluruh Sabah); atau dalam konteks lain ia membawa maksud pemisahan antara yang hak dan yang batil. Kumpulan kedua pula mencadangkan nama ditukar menjadi GIS (Gerakan Islamiah Sabah), manakala kumpulan ketiga mencadangkan nama PISB (Persatuan Islam Sabah Bersatu).

Walau bagaimanapun, cadangan ketiga-tiga kumpulan tidak diterima perwakilan. Bagi meredakan keadaan, Tun Mustapha bin Datu Harun membuat kata putus, iaitu mengekalkan nama USIA serta meminta perwakilan melihat makna di sebalik USIA, iaitu boleh disebut sebagai “Utusan Seluruh Islam Sabah”. Dengan lulusnya usul, maka Tuan Haji Lokman Musa diamanahkan untuk mempengerusikan kongres. Beliau ketika itu berkhidmat sebagai Pengarah Pelajaran Negeri Sabah (Yusin, 1990; dan Temubual dengan Datuk Awang Sahari Abd Latif, 12/6/2013).

Tun Mustapha bin Datu Harun pula diberikan kepercayaan untuk membentangkan rang undang-undang pertubuhan bagi pihak jawatankuasa penaja pada hari kedua persidangan. Setelah diadakan sesi perbincangan serta pindaan terhadap perkara yang perlu, maka Tun Mustapha bin Datu Harun dipilih sebagai Presiden USIA, manakala Syed Kechik Syed Muhammad dilantik sebagai Setiausaha Agung. Sementara itu mereka yang terlibat dalam

jawatankuasa kerja pertama USIA ialah: Haji Kassim Haji Hashim, Haji Mohd Yassin Haji Hashim, Habib Abdul Rahman Habib Mahmud, Mohd Said Keruak, Salleh Sulong, Harris Salleh, Lokman Musa, Dzulkifli Abdul Hamid, Rahmat Haji Ma'dom, Abdul Hamid Egoh, dan Haji Mohammad Haji Ahmad (Jawatan Kuasa USIA, 1970:1-2).

Menurut perlembagaan USIA, pertubuhan ini bertujuan, sebagaimana di bawah Undang-Undang Tubuh USIA Tahun 1974, seperti berikut: (1) Menjayakan kepentingan-kepentingan agama Islam; (2) Memperteguhkan tauhid kepada Allah sebagai dasar pendidik diri supaya menjadi baik dan tinggi budi pekerti serta bebas fikiran; (3) Melatih penganut Islam dalam hal-ehwal agama Islam; (4) Mengadakan segala kemudahan pengajian dalam kalangan penganut Islam bagi tujuan pengembangan atau perkembangan; (5) Mandiri atau membina dan menjaga tempat ibadat orang Islam serta tanah perkuburan; (6) Mengadakan bantuan kebajikan terhadap orang Islam; (7) Mengadakan jawatankuasa kecil yang berkaitan dengan agama Islam; (8) Memberi penerangan kepada umat Islam yang ingin mengerjakan haji; (9) Mengadakan perhubungan yang lebih rapat dengan pertubuhan Islam yang berada di luar Sabah; (10) Menjalankan segala daya usaha untuk menanam modal dan perniagaan bagi menambahkan tabung USIA; dan (11)

Menjalankan daya usaha di atas segala perkara yang mustahak supaya tercapai maksud di atas (Anonim, 1974).

Antara tujuan penting ialah menjayakan kepentingan agama Islam serta mengadakan kerjasama dengan pertubuhan Islam luar Sabah, terutama yang membabitkan kemajuan Islam. Pertubuhan ini beribu pejabat di Bangunan USIA, Jalan Sembulan, Kota Kinabalu. Hampir semua tujuan dan matlamat USIA adalah berkait dengan pendidikan (Anonim, 1974).

Secara umumnya, penubuhan USIA bertujuan memperluaskan dakwah Islam melalui kegiatan pendidikan dan pembangunan sosial. USIA berhasrat menambahkan bilangan penganut Islam di Sabah dalam jangka masa tertentu. Selain itu, USIA mensasarkan penduduk terutama di kawasan pedalaman yang belum mempunyai sebarang pegangan agama. Oleh itu, amat wajar USIA berperanan menarik kumpulan ini supaya menerima Islam sebagai pegangan hidup yang sempurna (Urusetia Kongres USIA, 1969).

PENDIDIKAN DAN USIA

Pada peringkat awal penubuhan USIA (*United Sabah Islamic Association*) ialah terdapat tiga buah badan, iaitu: Badan Persekolahan, Badan Zakat, dan Badan Penerangan. Sebelum diletakkan di bawah MUIS (Majlis Ugama Islam Sabah), badan persekolahan bertanggungjawab membawa guru-guru agama dari Semenanjung Malaysia untuk bertugas di sekolah agama. Sebelum diterima, mereka ditapis oleh jawatankuasa seramai 15 orang. USIA juga bertanggungjawab membina serta memulihkan infrastruktur sekolah agama, termasuk rumah guru. Selain itu, menyediakan sukatan agama yang disesuaikan dengan sukatan pelajaran agama kerajaan Johor serta membeli buku-buku agama.

Dari 1950 hingga 1960, hanya terdapat 10 buah sekolah agama; manakala sebelum penubuhan USIA,

hanya terdapat 11 buah sekolah agama di Sabah. Antara sekolah yang dikenal pasti ialah Madrasah Tahzibiah di Putatan, Madrasah Tudduniah di Papar, Madrasah Maahadul Islam di Sembulan, Sekolah Agama Islam di Kampung Pimping, Membakut, serta Sekolah Ugama Islam di Tawau. Ketika ini kebanyakan sekolah adalah dalam kategori Sekolah Rakyat. Ini kerana segala perbelanjaan dan kemudahan infrastruktur sekolah, termasuk gaji guru, ditanggung oleh penduduk serta pemimpin tempatan. Keadaan ini antara faktor yang menyebabkan pertumbuhan sekolah agama terbantut. Sebelum USIA mengambil alih sekolah, terdapat 33 orang guru, termasuk guru tempatan serta guru dari Semenanjung.

Badan Persekolahan berperanan memilih guru-guru agama dari Semenanjung untuk mengajar di Sabah, selain membina sekolah-sekolah baru serta menyediakan kemudahan. Dalam pada itu, sukatan pelajaran yang dianjurkan USIA disesuaikan dengan sukatan pelajaran agama kerajaan negeri Johor yang dikendalikan Majlis Agama Islam Johor. Peranan Badan Persekolahan dan Zakat USIA berakhir apabila diambil-alih MUIS pada tahun 1971, manakala Badan Penerangan kekal sehingga 1976 (Pejabat Agung USIA, 1970).

Pada tahun 1970, USIA menerbitkan majalah dengan nama *Sinar USIA*. Pada peringkat awal, ia diterbitkan setiap tiga bulan sekali. Walau bagaimanapun, mulai 2 Januari 1973, *Sinar USIA* diterbitkan dalam bentuk akhbar setiap dua minggu sekali dan kemudiannya diterbitkan setiap Jumaat. Dua bulan kemudian, *Sinar USIA* menempa fasa baru apabila menjadi akhbar harian (kecuali pada Ahad). Biro penerbitan akbar USIA mempunyai kelengkapan studio sendiri, termasuk perpustakaan, unit penyelidikan, serta unit foto (Yusin, 1990:53).

Beberapa buah jawatankuasa di peringkat pelaksana untuk

pembangunan sekolah-sekolah agama juga diwujudkan di bawah USIA. Antara individu yang terlibat dalam Jawatankuasa Kecil Persekolahan ialah: Mohammad Haji Ahmad (Pengerusi), Mohd Din Sulai (Setiausaha), serta beberapa orang ahli jawatankuasa, iaitu Rashad Shamsuddin, Salleh Ibrahim, Pengiran Tajuddin Pengiran Abdullah, dan Sjahrial Latif (Setiausaha Agung USNO, 1970:5).

Bagi memantapkan lagi sistem persekolahan Sekolah Agama Islam, maka tugas pembayaran gaji serta sukatan pelajaran turut dikawal selia oleh USIA. Bagi menabur bakti, USIA berjaya membaik-pulih sebanyak 40 buah masjid dan 48 buah surau di seluruh Sabah pada tahun 1970. Dalam pada itu terdapat permohonan untuk mendirikan sekolah-sekolah agama dan rumah guru di beberapa tempat, termasuk di Kudat, Tambunan, Keningau, dan Benoni di Papar. Sungguhpun tidak mempunyai peruntukan yang banyak, USIA mengambil inisiatif meminta jasa baik Pejabat Pelajaran Daerah membenarkan kelas agama dapat dijalankan di mana-mana sekolah berhampiran pada waktu pagi atau petang.

Dalam pada itu, Unit Pendidikan dan Dakwah USIA menganjurkan beberapa program keagamaan bagi menunjukkan syiar Islam mendapat tempat di Sabah. Antara program yang dijalankan ialah Sambutan Maulid Nabi Muhammad SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) peringkat negeri Sabah yang diadakan pada 17 Mei 1970 bertempat di Masjid Sembulan dengan kehadiran sekitar 1,000 orang. Beberapa orang kenamaan, termasuk Tuan Yang Terutama Negeri, Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae, turut hadir. Radio Sabah membuat siaran langsung secara terus-menerus bagi menunjukkan kepada masyarakat bahawa peri pentingnya menghayati sirah dan ajaran Nabi Muhammad SAW.

Dalam pada itu, USIA juga

menganjurkan pertandingan Tilawah Al-Qur'an bertempat di Dewan Masyarakat, Kota Kinabalu. Beberapa orang Qari dan Qariah yang memperdengarkan bacaan di hadapan 1,000 orang hadir dalam majlis yang diadakan tiga malam berturut-turut. Dalam majlis ini, johan Qari dimenangi oleh Abdul Ghafar Rijin daripada Beaufort, manakala Qariah dimenangi Afnah Zainuddin dari Kota Kinabalu. Kedua-duanya mewakili Sabah ke Tilawah Al-Qur'an peringkat kebangsaan.

Dalam pada itu, USIA diberi kuasa yang sebahagian besarnya menitik-beratkan permasalahan ekonomi serta tugas-tugas dalam penyebaran dakwah. Dalam pada itu, beberapa badan (biro) ditubuhkan untuk melicinkan perjalanan USIA. Antaranya ialah Badan Pengurusan Jemaah Haji yang diketuai Haji Kassim Haji Hashim. Badan Hasil diketuai Mohd Said Keruak, Bahagian Kewangan diketuai Datuk Harris, Jawatankuasa Kaum Ibu diketuai Toh Puan Hajjah Kusnah, Badan Belia diketuai Habib Abdul Rahman Habib Mahmud, manakala Badan Persekolahan (Pendidikan) dan Penerangan diketuai Haji Mohammad Haji Ahmad. Antara aktiviti yang dijalankan seperti Sambutan Maulidur Rasul yang diadakan pada 17 Mei 1970 bertempat di Masjid Sembulan, Kota Kinabalu (Pejabat Agung USIA, 1970).

Bagi merangsang aktiviti ekonomi USIA, pertubuhan ini diberikan kuasa oleh kerajaan negeri Sabah untuk mewujudkan tabung yang dikenali dengan Tabung USIA. Tabung ini berfungsi untuk mengutip dana dengan menerima bantuan, samada wang daripada kesatuan atau individu tertentu, dengan syarat tidak bertentangan dengan undang-undang. Dengan adanya kuasa sebegini, USIA berhak mendapat kawasan konsesi balak seluas 34,800 ekar daripada kerajaan negeri yang bernilai hampir 31 juta (RM 30,720,000.00). Pemberian ini tentunya memperkukuhkan

ekonomi USIA, sekaligus menjalankan program sebagaimana yang dirancang. Pada tahun 1971, USIA memperoleh peruntukan tetap melalui Majlis Ugama Islam Sabah (DUN Sabah, 1976).

BADAN DAKWAH DAN USIA

Pada tahun 1972, peruntukan tahunan untuk badan USIA (*United Sabah Islamic Association*) dinaikkan kepada RM 2,718,280.00 (dua juta tujuh ratus delapan belas ribu dua ratus delapan puluh Ringgit Malaysia). Peruntukan ini dibahagikan kepada tiga jabatan utama, iaitu Jabatan Setiausaha Agung sebanyak RM 2,277,320.00, Badan Tabligh sebanyak RM 236,960.00, dan Badan Penerangan sebanyak RM 204,000.00. Perbelanjaan Jabatan Setiausaha Agung meliputi operasi pejabat, termasuk membayar gaji kakitangan. Dalam tahun 1970, sejumlah RM 150,000 diagihkan bagi tujuan pembangunan sekolah agama yang terdapat di Sabah. Begitu juga sejumlah RM 100,000 disalurkan di seluruh Sabah bagi pembangunan masjid dan surau (Jawatankuasa Agung USIA, 1972).

Dalam Bab 12, Fasal 51 menyebut mengenai pembahagian harta benda dan tabung USIA sekiranya pertubuhan dibubarkan. Kenyataannya sebagaimana berikut:

Jika berlakunya pembubaran USIA, harta benda dan baki tabung, jika ada, setelah menjelaskan dengan sepenuhnya hutang-piutang yang sah, akan didermakan kepada kerajaan Pusat atau Negeri, atau, kepada mana-mana badan atau pertubuhan yang mempunyai tujuan-tujuan yang sama dengan USIA, dan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (Anonim, 1974).

Pertubuhan USIA mengalami perkembangan pesat dalam tempoh singkat, terutama yang melibatkan pertambahan ahli dan cawangan serta pembentukan badan-badan USIA. Pada tahun 1973, cawangan USIA bertambah kepada 299 seluruh negeri dengan

keahlian seramai 51,321 orang. Pada tahun 1974, cawangan telah bertambah kepada 341 buah, manakala pada tahun 1975 kepada 357, dan sebanyak 384 dengan keahlian seramai 60,000 orang pada tahun 1976 (Pejabat Agung USIA, 1974; dan Anonim, 2003).

Badan Tabligh USIA, sebuah badan yang berperanan meningkatkan bilangan penganut Islam Sabah, mendapat peruntukan yang agak besar. Justeru, kerana usaha badan dakwah USIA menyebabkan bilangan penganut Islam Sabah berjaya ditingkatkan kepada 53 peratus pada tahun 1972 berbanding 37 peratus sebelum itu (Jawatan Kuasa USIA, 1969 dan 1972).

POLITIK USNO DALAM USIA

Selain itu, penubuhan USIA (*United Sabah Islamic Association*) merupakan manifestasi kepada gerak kerja USNO, iaitu sebagai sayap atau jentera kepada parti politik USNO (*United Sabah National Organization*). Bahkan sewaktu penubuhan USNO, beberapa pertubuhan keagamaan yang sama pernah membentuk USNO. Antaranya ialah: Persatuan Islam Sabah (PIS), Persatuan Islam Putatan (PIP), dan Persatuan Islam Tawau (PIT). Walau bagaimanapun, peranan USNO terdorong di atas kapasiti parti politik yang begitu terhad penglibatannya, terutama dalam bidang keagamaan.

Bagi kerajaan USNO, dengan bertambahnya peratusan umat Islam Sabah maka sokongan terhadap parti juga meningkat (temubual dengan Datuk Dzulkiflee Abdul Hamid, 30/6/2004). Tun Mustapha bin Datu Harun memaklumkan bahawa sehingga Mei 1974, USIA berjaya mengislamkan hampir 100,000 ribu orang (96,400 orang), iaitu dalam masa hanya lima tahun (temubual dengan Datuk Awang Sahari Abd Latif, 12/6/2003). Kerajaan USNO berharap dengan pertambahan umat Islam di Sabah ini membolehkan umat Islam Sabah menjadi kumpulan majoriti di negeri

Sabah. Tindakan yang diambil USIA jelas dilihat melalui Undang-Undang Tubuh USIA, Bab 2, Fasal 3, 1.2.a., yang menjelaskan sebagai berikut: “*Menjayakan kepentingan agama Islam serta menjalankan daya usaha di atas perkara yang mustahak supaya tercapai maksud di atas*” (Anonim, 1974).

Dalam satu majlis peng-Islaman yang diadakan di Tuaran pada 7 April 1975, Tun Mustapha bin Datu Harun menegaskan bahawa kekuatan Islam menjadi tunjang kepada jati diri penduduk (Hussein, 1976:95-96). Antara kejayaan terbesar Badan Tabligh USIA ialah dapat membawa Donald Stephens dan isterinya, June Lutter, serta anak-anaknya memeluk Islam pada 5 Januari 1971. Majlis peng-Islaman berlangsung di kediaman Tun Mustapha bin Datu Harun sendiri di Tanjung Aru. Donald Stephens menukar nama kepada Fuad (Tun) Stephens; manakala isterinya menukar nama kepada Rahimah (Toh Puan) Stephens.

Ibu kepada Toh Puan Rahimah Stephens, Minah Yusof, adalah seorang yang beragama Islam berbangsa “Sungei” dari Kinabatangan, Sabah. Berkahwin dengan bapaknya Richard Lutter, seorang pegawai kerajaan kolonial British. Walau bagaimanapun, setelah kematian ibunya, Minah Yusof, maka Toh Puan Rahimah Stephens bersama kakaknya, Esther, dibesarkan sebagai seorang Kristian Katolik. Toh Puan Rahimah Stephens bersama kakaknya banyak terlibat dalam koir sempena perayaan Krismas. Keadaan inilah dipercayai merupakan salah satu faktor mengapa Tun Fuad Stephens dan isterinya agak mudah menerima Islam (Anonim, 1972; Muhammad, 1990:95; dan Edge, 1999:93).

Di beberapa tempat lain, seperti di Beaufort, berlangsung majlis peng-Islaman di rumah Mohd Dun bin Banir sempena lawatan Tun Mustapha bin Datu Harun ke daerah tersebut pada 25-26 Mei 1975. Terdapat beberapa individu lain yang turut memeluk

Islam, antaranya Ghanie Gilong (Abdul Ghani Gilong); Andrew Matakim (Idrus Matakim); Suffian Koroh; Fazil Wong (ADUN, Ahli Dewan Undangan Negeri, Kuala Penyu); Johari Majakil (ahli Parlimen Beaufort); Abdul Latif Hawkins (Pegawai yang berasal dari England); Mohd Noor Nicholas (wartawan); dan lain-lain (Anonim, 1975).

Selain itu, Tun Mustapha bin Datu Harun berjaya membeli sebuah gereja SDA (*Seventh-Day Adventist*) yang terletak di Bukit Bendera, iaitu tengah-tengah bandar Kota Kinabalu dengan harga RM 1,050,000 (satu juta lima puluh ribu Ringgit Malaysia) pada tahun 1974 untuk dijadikan masjid di atas nama USIA. Kawasan gereja ini terletak di atas tanah seluas 1.39 ekar. Dengan pembelian gereja untuk dijadikan masjid, ia merupakan kemenangan moral dan rahmat kepada penduduk Islam (Alias, 1977:41; Yusin, 1990:75; Abdul Rashid, 1998:16; dan Mat Kib, 2003:105).

Menurut temubual dengan Datuk Awang Sahari Abd Latif pada 12 Jun 2013, kejayaan USIA di peringkat awal disebabkan dua faktor, iaitu: program pendidikan (*tarbiyah*) dan penjana ekonomi (*iktisad*) secara tersusun. Selain itu, USIA di bawah kepimpinan Tun Mustapha bin Datu Harun terlibat secara aktif di peringkat antarabangsa, terutama dalam bidang kebajikan.

Sehubungan itu, USIA telah memberikan sumbangan sebanyak RM 50,000 kepada Masjid Al-Aqsa di Palestin; dan RM 30,000 diberikan kepada Madrasah Darul-Ulum Diniah di Makkah (Jawatan Kuasa USIA, 1970). Peruntukan sebanyak RM 500,000 pula disalurkan kepada penduduk Islam Sabah yang tidak mempunyai kemampuan dari sudut kewangan untuk menunaikan fardu haji. Bagi tujuan majlis peng-Islaman, sejumlah RM 50,000 diperuntukkan kerajaan negeri (Jawatankuasa Agung USIA, 1972).

Bagi tujuan mendapatkan peruntukan secara tetap dan stabil,

Jadual 2:
Peruntukan Kerajaan Negeri Sabah kepada MUIS & USIA, 1971-1975

Tahun	Peruntukan
1971	5 Juta
1972	3 Juta
1973	4 Juta
1974	18 Juta
1975	20 Juta
Jumlah	RM 50 Juta

Sumber: SPR (t.t.:12-13).

kerajaan negeri menganugerahkan kawasan balak seluas 10 batu persegi setiap tahun dengan mengambil masa selama 10 tahun. Dengan adanya pemberian konsesi balak secara tetap, maka USIA menerima imbuhan konsesi sebanyak RM 3 juta setahun. Peruntukan kerajaan USNO kepada USIA dan MUIS (Majelis Ugama Islam Sabah) sepanjang 1971-1975 sebagaimana jadual 2 berikut ini.

Kewujudan USIA yang ditubuhkan kerajaan USNO dalam fasa pertama pemerintahan bercampur-baur antara tuntutan agama Islam dan kepentingan politik USNO. Keadaan ini dibuktikan melalui pemilihan jawatan bagi jawatan Naib Yang di Pertua USIA. Kebanyakan mereka yang dipilih di lima Residensi terdiri dari penyokong tegar USNO. Individu terbabit ialah Datuk Haji Mohd Yassin Haji Hashim di Labuan, Habib Abdul Rahman di Residensi Sandakan, Said Keruak di Residensi Pantai Barat, Salleh Sulong di Residensi Tawau, dan Datuk Harris Salleh di Residensi Pendalaman (Jawatan Kuasa USIA, 1969).

Sementara itu, USNO menghadapi kesukaran untuk menjalankan kegiatan keagamaan secara aktif memandangkan keahlian parti yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan agama. Perkara ini menjadi lebih serius apabila parti UPKO (*United Pasokmomogun Kadazandusun-Murut Organization*) dibubarkan dengan semua ahli menyertai USNO. Ini bermakna USNO menjadi parti tunggal yang diwakili oleh semua kaum yang terdapat di Sabah.

KESIMPULAN

USIA (*United Sabah Islamic Association*) sebagai sebuah pertubuhan dakwah tidak dapat lari daripada kepentingan politik USNO (*United Sabah National Organization*) memandangkan pertubuhan ini ditubuhkan oleh Tun Mustapha bin Datu Harun serta individu yang mendasari kerajaan USNO. Hujah yang mengatakan USIA merupakan agen USNO, walau bagaimanapun, dinafikan Tun Mustapha bin Datu Harun. Beliau mengatakan antara keduanya berbeza, sama ada bentuk atau fizikal. Tun Mustapha bin Datu Harun menjelaskan sebagaimana berikut:

[...] USNO adalah parti politik yang bertujuan mencapai kemajuan fizikal bagi kebahagiaan hidup di dunia, manakala USIA adalah persatuan agama yang berusaha mencapai kebahagiaan rohani dalam kehidupan dunia dan akhirat. Kedua-dua persatuan ini penting bagi negara membangun seperti Malaysia umumnya dan Sabah khususnya. Perkembangan fizikal haruslah berganding tangan dengan perkembangan rohani (Anonim, 1978).

Tun Mustapha bin Datu Harun, yang mewakili USIA menjawab tuduhan yang dilemparkan, menjelaskan bahawa badan itu tidak diperalatkan oleh USNO; sebaliknya, USIA menghargai jasa-jasa pemimpin USNO yang membangunkan serta menjayakan USIA (Yusin, 1990:58). Sementara itu, bagi kebanyakan masyarakat Kristian Sabah menganggap era pemerintahan Tun Mustapha bin Datu Harun

merupakan “zaman kegelapan” bagi penganut Kristian Sabah. J. Bius dan Peter J. Mojuntin mengatakan bahawa Tun Mustapha bin Datu Harun telah bertindak zalim apabila “menghalau” 41 orang mubaligh Kristian keluar dari Sabah (dalam Mat Kib, 2003:104).

Oleh kerana pembangunan politik, ekonomi, serta umat Islam Sabah masih terpinggir menyebabkan kerajaan USNO merasakan amat wajar diwujudkan sebuah badan yang berwibawa, yang bukan sahaja berperanan dalam soal agama Islam tetapi juga melibatkan soal kepentingan dalam aspek yang lain (Anonim, 1974). Kewujudan USIA merupakan peristiwa penting dalam sejarah perkembangan Islam serta proses perkembangan Islam di Sabah. Ini kerana USIA merupakan pertubuhan awal yang mempunyai sistem organisasi lengkap serta kegiatan dakwah begitu menyeluruh. Konsep tersebut ialah “Pengislaman, Pendidikan, dan Pembangunan” yang banyak membantu menyebarkan dakwah dalam kalangan penduduk bukan Islam Sabah, terutama di kawasan pedalaman. Kegiatan USIA juga tentunya menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk bukan Islam. Penubuhan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) pada tahun 1971 juga berperanan menjaga kepentingan agama Islam, terutama kedudukan agama Islam.

Perasaan tidak puas hati penduduk bukan Islam terhadap Tun Mustapha bin Datu Harun akhirnya dijemakan dengan penubuhan USAP (*Union of Sabah People's Party*) yang dipimpin oleh Peter Mojuntin (Anonim, 1973; dan Setiausaha Agung USNO, 1974 dan 1975). Pada penghujung 1975, kumpulan penentang USNO, dengan dibantu segelintir bumiputera Islam, kemudiannya menubuhkan BERJAYA (Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah). Dalam Pilihan Raya DUN (Dewan Undangan Negeri) Sabah pada tahun 1976, USNO tersungkur dengan tewas

mengejut kepada BERJAYA di persada politik Sabah, sekali gus menghentikan cengkaman USNO terhadap USIA (SPR, 1976).

Secara keseluruhan, kegiatan USIA dalam bidang pendidikan dan dakwah adalah seimbang. Atas usaha ini, beberapa siri kejayaan seperti peningkatan orang Islam. Walaupun USIA kekurangan dana untuk mendirikan sekolah atau masjid, tetapi inisiatif yang diambil menjadi wadah yang utuh dalam jangka masa panjang.

Bibliografi

- Abdul Rashid, Norsiah. (1998). “USIA: Sejarah Perkembangan Dakwah dan Peranannya dalam Membina Kepentingan Islam di Negeri Sabah (1990-1998). *Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan*. Bangi, Selangor: Jabatan Dakwah & Kepimpinan UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Alias, Johari. (1977). *Buku Cenderamata Sempena Pembukaan Masjid Negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Jawatankuasa Perasmian Masjid Negeri.
- Anonim. (1972). *Buku Atur Cara Sempena Majlis Pengislaman Beramai-ramai di Kediaman Tun Datu Mustapha, Tanjung Aru, 30 April 1972*. Kota Kinabalu: t.p. [tanpa penerbit].
- Anonim. (1973). *Buku Atur Cara Lawatan Tun Datu Mustapha Datu Harun ke Sipitang Sempena Rapat Umum USNO Sipitang pada 23-24 Ogos 1973*. Kota Kinabalu: t.p. [tanpa penerbit].
- Anonim. (1974). *Undang-Undang Tubuh USIA 1974, yang Diubah daripada Rang Undang-Undang USIA yang Dibentangkan pada 15 Ogos 1969 di Dewan Masyarakat, Kota Kinabalu*. Kota Kinabalu: t.p. [tanpa penerbit].
- Anonim. (1975). *Buku Atur Cara Sempena Lawatan Rasmi Tun Mustapha bin Datu Harun ke Daerah Beaufort pada 25-26 Mei 1975*. Kota Kinabalu: t.p. [tanpa penerbit].
- Anonim. (1976). *Malaysia Official Year Book, 1976*. Kuala Lumpur: t.p. [tanpa penerbit].
- Anonim. (1978). *Ucapan Tun Mustapha Sewaktu Merasmikan Bangunan USIA Kota Belud*. Kota Kinabalu: t.p. [tanpa penerbit].
- Anonim. (1980). *Buku Atur Cara Perasmian Masjid Daerah Papar, Sabah, Tahun 1980*. Papar, Sabah: t.p. [tanpa penerbit].
- Anonim. (2003). *Carta di Bilik Gerakan USIA Kota Kinabalu*. Kota Kinabalu: t.p. [tanpa penerbit].
- Baker, M.H. (1965). *Sabah: The First Ten Years as a Colony, 1946-1956*. Singapore: Malaysian

- Publishing House Ltd.
- DUN [Dewan Undangan Negeri] Sabah. (1976). *Perbahasan dalam DUN Sabah: Penyata Rasmi, Jilid 1, No.5, 15 Disember 1976*. Kota Kinabalu: DUN Sabah.
- Edge, P.J. Granville. (1999). *The Sabahan: The Life and Death of Tun Fuad Stephens*. Kuala Lumpur: Donsons Sdn. Bhd.
- Hussein, Abdullah. (1976). *Tun Mustapha: Bapa Kemerdekaan Sabah*. Kuala Lumpur: MFI Press.
- Jawatan Kuasa USIA [United Sabah Islamic Association]. (1969). *Minit Mesyuarat Kongres USIA Pertama 1969 yang Berlangsung pada 16 Ogos 1969*. Kota Kinabalu: Jawatan Kuasa USIA.
- Jawatan Kuasa USIA [United Sabah Islamic Association]. (1970). "Penyata Tahunan USIA, 1969-1970: Kertas Persidangan 1/1-1970" dalam *Perhimpunan Agung USIA Kali Pertama, pada 1-3 Ogos 1970 di Dewan Masyarakat, Kota Kinabalu*. Kota Kinabalu: Jawatan Kuasa USIA, ms.1-2.
- Jawatankuasa Agung USIA [United Sabah Islamic Association]. (1972). "Anggaran Peruntukan USIA Tahun 1972" dalam *Mesyuarat Jawatankuasa Agung USIA kali Ketiga pada 8 Februari 1972: Kertas Mesyuarat VI*. Kota Kinabalu: Jawatankuasa Agung USIA.
- JBP [Jabatan Bancian Penduduk]. (1971). *Siaran Perangkaan Tahunan Sabah, 1971*. Kota Kinabalu, Sabah: Jabatan Bancian Penduduk.
- Mat Kib, Mat Zin. (2003). *Kristian di Sabah, 1881-1994*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Mat Kib, Mat Zin. (2012). "Tun Mustapha: His Role and Contribution to the Development in Sabah, Malaysia" dalam *TAWARIKH: International Jurnal for Historical Studies*, Vol.3(2). Available also at: www.tawarikh-journal.com
- Muhammad, Yahya. (1990). "Perkembangan Ugama Kristian di Sabah Setelah Merdeka: Sorotan pada Zaman-zaman Parti Perikatan USNO-SCA, Kerajaan Parti BERJAYA, dan Kerajaan Parti PBS". *Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan*. Bangi, Selangor: Jabatan Usuluddin & Falsafah UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Pejabat Agung USIA [United Sabah Islamic Association]. (1970). *Penyata Tahunan USIA, 1969-1970*. Kota Kinabalu: Pejabat Agung USIA.
- Pejabat Agung USIA [United Sabah Islamic Association]. (1974). *Penyata Tahunan USIA, 1973/1974*. Kota Kinabalu: Pejabat Agung USIA.
- Setiausaha Agung USNO [United Sabah National Organization]. (1970). *Penyata USNO 1969-1970*. Kota Kinabalu, Sabah: Fail Pejabat Setiausaha Agung USNO.
- Setiausaha Agung USNO [United Sabah National Organization]. (1972). *Buku Cenderamata Hari Ulang Tahun ke-10 USNO Tahun 1972*. Kota Kinabalu, Sabah: Fail Pejabat Setiausaha Agung USNO.
- Setiausaha Agung USNO [United Sabah National Organization]. (1974). *Ucapan Dasar dalam Perhimpunan Agung USNO Kesembilan Tahun 1974 di Dewan Masyarakat, Kota Kinabalu*. Kota Kinabalu: Setiausaha Agung USNO.
- Setiausaha Agung USNO [United Sabah National Organization]. (1975). *Buku Penyata Tahunan USNO 1974/1975: Kertas Persidangan Bil. 3/10/75, 6 Julai*. Kota Kinabalu: Setiausaha Agung USNO.
- Setiausaha Agung USNO [United Sabah National Organization]. (t.t.). *Ucapan Tun Datu Mustapha Datu Harun dalam Perhimpunan Agung USNO Kelapan*. Kota Kinabalu: Pejabat Perhubungan USNO Sabah.
- SPR [Suruhanjaya Pilihan Raya]. (1967). *Penyata Pilihan Raya DUN (Dewan Undangan Negeri) Sabah Tahun 1967*. Kuala Lumpur, Malaysia: SPR.
- SPR [Suruhanjaya Pilihan Raya]. (1976). *Keputusan dan Penyata Pilihan Raya DUN (Dewan Undangan Negeri) Sabah Tahun 1976*. Kuala Lumpur: SPR.
- SPR [Suruhanjaya Pilihan Raya]. (t.t.). *Risalah Pilihan Raya Parti BERJAYA*. Kota Kinabalu, Sabah: SPR.
- Temubual dengan Datuk Awang Sahari Abd Latif, 80 tahun, Pengarah Dakwah USIA (United Sabah Islamic Association) dan Pengasas Persatuan Islam Putatan, di Bangunan Ibu Pejabat USIA Sembulan, Kota Kinabalu, pada tarikh 12 Jun 2003.
- Temubual dengan Datuk Dzulkiflee Abdul Hamid, 65 tahun, Bekas Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia dan Menteri Kerajaan USNO, di Kg. Simpudu, Papar, Sabah, pada tarikh 30 Jun 2004.
- Tregonning, K.G. (2007). *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Urusetia Kongres USIA. (1969). *Buku Peringatan Kongres USIA Tahun 1969*. Kota Kinabalu: Urusetia Kongres USIA.
- Urusetia Kongres USIA. (1970). "Laporan Kongres Pertama USIA" dalam *Buku Peringatan Kongres Perhimpunan USIA Kali Pertama, pada 1-3 Ogos 1970 di Dewan Masyarakat, Kota Kinabalu*. Kota Kinabalu: Urusetia Kongres USIA.
- Yusin, Muhiddin. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Kontenjan USIA

(Sumber: www.google.com, 7/7/2013)

Secara umumnya, penubuhan USIA bertujuan memperluaskan dakwah Islam melalui kegiatan pendidikan dan pembangunan sosial. USIA berhasrat menambahkan bilangan penganut Islam di Sabah dalam jangka masa tertentu. Selain itu, USIA mensasarkan penduduk terutama di kawasan pedalaman yang belum mempunyai sebarang pegangan agama. Oleh itu, amat wajar USIA berperanan menarik kumpulan ini supaya menerima Islam sebagai pegangan hidup yang sempurna.